

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 JULAI 2015 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Lebih RM100juta untuk baiki bangunan	Utusan Malaysia
2	Kos baik pulih lebih RM100j	Berita Harian
3	'Quake repair to cost over RM100m'	New Straits Times
4	Gempa Bumi: Kod piawaian Eropah dilaksana	Utusan Malaysia
5	Fadilah cadang KDN bina penempatan sementara IPD Ranau	Bernamea.com
6	Lebih RM100 juta diperlukan baiki kerosakan gempa bumi, Banjir lumpur di Sabah	Bernamea.com
7	Gempa bumi dedah keperluan sumber air	Utusan Malaysia
8	Gempa bumi dedah keperluan sumber air alternatif - Ongkili	Bernamea.com
9	Angin kencang barat daya berterusan hingga ahad ini	Utusan Malaysia
10	Angin kencang, laut bergelora sehingga rabu	Bernamea.com
11	Angin kencang barat daya dijangka berterusan sehingga ahad ini	Bernamea.com



FADILLAH YUSOF (dua dari kiri) serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr. Ewon Ebin (kiri) semalam melawat Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Ranau, Sabah, yang terjejas akibat gempa bumi baru-baru ini.
- UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN

Infrastruktur rosak akibat kejadian gempa bumi

Lebih RM100 juta untuk baiki bangunan

Oleh HISYAMUDDIN AYUB

utusanabah@utusan.com.my

■ **RANAU 6 JULAI**

KEMENTERIAN Kerja Raya mengenal pasti sebanyak 61 buah bangunan terjejas dan mengalami kerosakan ekoran insiden gempa bumi yang berlaku di negeri ini pada 5 Jun lalu.

Menterinya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, selain kerosakan bangunan dan infrastruktur, kejadian itu turut menyebabkan 22 batang jalan raya rosak selain laporan cerun runtuh di 22 buah lokasi dan sebuah jambatan terjejas.

Ujar beliau, satu penilaian telah dilakukan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan anggaran keseluruhan bagi kos pembaikan berjumlah

lebih RM100 juta.

"Satu program akan dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi memperkukuh bangunan serta infrastruktur yang rosak di negeri ini akibat kejadian gempa bumi dan banjir lumpur.

"Namun terdapat kerja-kerja pembaikan yang sudah dilakukan dan peruntukan diberikan bagi membaik pulih bangunan termasuk di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Ranau," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas meninjau kerosakan bangunan serta infrastruktur di daerah Ranau ekoran kejadian gempa bumi serta banjir lumpur di sini hari ini.

Fadillah berkata, hasil penilaian yang dibuat oleh JKR ekoran kejadian itu, terdapat lima bangunan yang

mengalami kerosakan kritikal.

Menurutnya, lima kerosakan itu melibatkan struktur bangunan di Masjid Pekan Ranau, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ranau, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Mohamad Ali, Hospital Daerah Ranau dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ranau.

Jelasnya, kerosakan kritikal di lima lokasi tersebut dilihat memerlukan pembaikan segera.

"Anggaran kos pembaikan melibatkan lima buah bangunan yang mengalami kerosakan kritikal itu sekitar RM55 juta. Selain itu kita akan bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi membina jambatan sementara setelah jambatan kekal musnah dan hanyut dibawa banjir lumpur besar yang berlaku sebelum ini," tambahnya.

Kos baik pulih lebih RM100j

» 61 bangunan, infrastruktur di Sabah terjejas gempa, banjir lumpur

Oleh Suzianah Jiffar
suzianah@bh.com.my

► Ranau

Kerajaan menganggarkan kos pembaikan ke-rosakan bangunan, infrastruktur dan jalan raya akibat gempa bumi dan banjir lumpur di negeri ini lebih RM100 juta.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata anggaran itu hasil penilaian Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah akibat gempa bumi dan banjir lumpur di Ranau, Kota Belud dan kawasan sekitar yang tu-



Fadillah (kanan) ketika **melawat kesan banjir lumpur di Mesilou**, Kundasang, semalam. [FOTO EDMUND SAMUNTING/BH]

rut terjejas.

Sebanyak 61 bangunan dan kemudahan infrastruktur lain serta jalan raya terjejas akibat gempa bumi dan banjir lumpur sejak 5 Jun lalu.

"Ada beberapa bangunan selamat diduduki seperti Bangunan Persekutuan Ranau, namun lima daripada 61 bangunan itu rosak teruk yang memerlukan pembaikan sege-

ra dengan kos dianggarkan RM55 juta.

"Lima bangunan yang rosak teruk ialah Masjid Pekan Ranau, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ranau, Sekolah Agama Mohamad Ali, Hospital Daerah Ranau dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ranau," katanya kepada media selepas melawat IPD Ranau di sini, semalam.



Yang turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin, yang juga Ahli Parlimen Ranau.

Sementara itu, Fadillah berkata, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang menjalankan kajian bersama pakar dalam dan luar negara bagi pembinaan bangunan di kawasan berisiko gempa bumi di negeri ini.

Ikut Standard Euro Code

"Hasil kajian itu, kita akan membuat cadangan untuk dasar baharu berkaitan pembinaan bangunan yang memenuhi 'Standard Euro Code' dan akan dijadikan dasar pembinaan pembangunan negara, termasuk membabitkan sektor swasta," katanya.



Works Minister **Datuk Seri Fadillah Yusof** (right) inspecting the damaged roads and bridges in Mesilou, Kundasang, yesterday. Pic by Edmund Samunting

'Quake repair to cost over RM100m'

REBUILDING:

Remedial works have started, says minister

KRISTY INUS

RANAU

kristy@nst.com.my

REPAIR cost for the damage caused by the June 5 earthquake here are estimated at more than RM100 million.

Works Minister Datuk Seri Fadillah Yusof said this included repairs of the district mosque, SMK Ranau, Sekolah Agama Mohamad Ali, district hospital and district police station.

Speaking during his visit to affected areas here, Fadillah said the allocation for repairs depended on each ministry concerned as they were only in charge of evaluating the

repair cost.

"Remedial works have started like at the federal administration complex here. The state Education Department has also received allocation for minor repairs."

He also visited Kampung Mesilou in Kundasang to inspect the damage to roads and bridges there.

"Sixty-one buildings as well as several road links and slopes have been affected by the earthquake. Three bridges at Sungai Mesilou have been washed away.

"We want to use Bailey bridges as replacements. One is being constructed and is expected to be completed in two weeks, while the other two will be ready in three months."

Fadillah said the Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) was conducting a study on introducing guidelines for the construction of buildings in high-risk earthquake zones.

"While we are expecting reinforcement of damaged buildings affected

by the tremors, we are proposing to the government to put up temporary settlement for the displaced district police here. Seismic retrofitting should be installed at the temporary units.

"Mosti is engaging experts to come up with earthquake-resistant building guidelines, which will be based on standard Euro code that can withstand up to magnitude 8 earthquakes.

"If this is adopted, construction costs will be 30 per cent higher.

"We are looking at this as a national policy, so it does not only cover government buildings, but also private ones."

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin, who is Ranau member of parliament, said determining the high-risk areas would mean focusing on specific areas and not just the district in general.

"There are areas where earthquakes might hit because of the fault lines, such as in Lahad Datu."

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 7 JULAI 2015 (SELASA)

Gempa bumi: Kod piawaian Eropah dilaksanakan

RANAU 6 Julai - Kerajaan akan menetapkan satu kod piawaian baharu berhubung pembinaan bangunan di kawasan berisiko ancaman gempa bumi yang perlu dipatuhi oleh pemaju serta kontraktor binaan.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, untuk itu pihak kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi mengenal pasti lokasi yang akan diklasifikasikan sebagai kawasan berisiko.

Menurutnya, proses berkenaan melibatkan pakar dari dalam serta luar negara dan pembinaan

bangunan di kawasan tersebut perlu mematuhi kod berkenaan yang menepati piawaian Eropah.

"Kod piawaian Eropah ini akan dikenakan kepada pemaju atau kontraktor yang akan membina bangunan di kawasan berisiko ancaman gempa bumi.

"Kita mahu menetapkan penggunaan kod ini bagi semua kerja pembinaan bangunan kerajaan dan swasta berdasarkan kepada dasar negara, demi kepentingan serta keselamatan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menin-

jau kerosakan bangunan serta infrastruktur khususnya di daerah Ranau ekoran kejadian gempa bumi serta banjir lumpur di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang juga Ahli Parlimen Ranau, Datuk Dr. Ewon Ebin.

Mengulas lanjut Fadillah berkata, selepas penilaian daripada pihak pakar selesai, kementerian akan mengkategorikan kawasan-kawasan berisiko gempa bumi tersebut mengikut skala yang ditetapkan.



Fadillah Cadang KDN Bina Penempatan Sementara IPD Ranau

RANAU, 6 Julai (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof mencadangkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) membina penempatan sementara untuk penghuni kediaman di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ranau yang terjejas akibat gempa bumi pada 5 Jun lepas.

Beliau berkata penempatan sementara itu adalah satu keperluan bagi menempatkan penghuni terutama di dua blok yang terjejas teruk akibat gempa berukuran 5.9 skala Richter, sementara kerja membaik pulih dan mengukuhkan semula bangunan berkenaan disiapkan sepenuhnya.

"Kajian pakar mendapati perlu baik pulih, dan dalam masa sama mengukuhkan bangunan tersebut. Antara cadangan mereka, kaedah retrofit dibina pada bangunan itu supaya ia kukuh dan tahan gegaran pada masa akan datang," katanya kepada pemberita dalam lawatan kerjanya di sini, hari ini.

Sehubungan itu, Fadillah berkata penempatan sementara itu adalah langkah yang perlu diambil bagi membantu menempatkan warga polis di kawasan yang selesai memandangkan ada yang masih tinggal di khemah kerana trauma dengan kejadian gempa bumi itu.

Menurutnya, [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin](#), yang juga anggota Parlimen Ranau akan berbincang dengan polis di daerah ini mengenai tapak yang bersesuaian untuk dibina penempatan sementara itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Fadillah berkata pihaknya juga akan menempatkan 'jambatan Bailey' sementara bagi menggantikan salah satu jambatan yang dihanyutkan ketika banjir lumpur di Sungai Mesilou pada Jun lepas.

Beliau berkata kerja membina jambatan sementara itu sedang dijalankan dan dijangka siap dalam masa dua minggu lagi.

Fadillah berkata JKR Sabah juga bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia bagi melihat jika Kor Jurutera mereka mempunyai lebih simpanan 'jambatan Bailey' yang boleh digunakan.

"Jambatan sementara ini mampu memudahkan perjalanan penduduk kampung yang ketika ini menggunakan laluan alternatif lebih kurang 20 kilometer bagi menghantar bekalan sayuran kepada penjual.

"Jika ada jambatan sementara ini, mereka boleh pendekkan perjalanan dan ini bermakna kos menghantar bekalan dan hasil pertanian akan lebih murah," katanya.

Pembinaan dua lagi jambatan yang dihanyutkan dijangka siap dalam tempoh tiga bulan, kata Fadillah.

-- BERNAMA



Lebih RM100 Juta Diperlukan Baiki Kerosakan Gempa Bumi, Banjir Lumpur Di Sabah

RANAU, 6 Julai (Bernama) -- Anggaran lebih RM100 juta diperlukan bagi kos keseluruhan membaiki kerosakan bangunan dan infrastruktur di Sabah yang terjejas akibat gempa bumi berukuran 5.9 skala Richter dan banjir lumpur pada Jun lepas, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof.

Beliau berkata kos itu bagi membaiki kira-kira 61 bangunan, jalan raya, jambatan dan cerun yang rosak berikutan kejadian bencana alam yang melanda negeri ini khususnya di Ranau, Kundasang dan Kota Belud.

Fadillah berkata kira-kira RM55 juta daripada anggaran kos itu digunakan bagi membaiki, membina dan mengukuhkan semula lima bangunan yang mengalami kerosakan kritikal iaitu Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ranau, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ranau, Masjid Daerah Ranau, Hospital Ranau dan Sekolah Agama Mohamad Ali.

Kos bagi kelima-lima bangunan itu masing-masing berjumlah RM15 juta (IPD), RM12 juta (SMK Ranau), RM12 juta (Masjid Daerah Ranau), RM10 juta (Hospital Ranau) dan RM6 juta bagi Sekolah Agama Mohamad Ali.

"Kerja-kerja pembaikan semula bangunan dan jalan raya mengalami kerosakan minimum juga sedang dijalankan dan peruntukan sudah disalurkan. Cuma, lima bangunan kritikal ini ada yang perlu dirobohkan dan dibina semula.

"Ini akan mengambil masa sedikit disebabkan peruntukan serta kerja-kerja berat yang terpaksa dilakukan," katanya selepas meninjau bangunan IPD Ranau di sini, hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Fadillah berkata satu kajian sedang dijalankan [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#) bagi mengenal pasti kawasan kritikal dan berisiko tinggi di landa gempa bumi khususnya di Ranau serta daerah berhampiran.

Beliau berkata kajian itu antara lain bagi melihat sama ada wujud keperluan mengeluarkan dasar atau garis panduan yang menetapkan setiap bangunan dibina di kawasan terbabit perlu mematuhi standard yang dikenali sebagai 'Euro Codes'.

"Ini bermakna setiap bangunan mesti mampu menahan gegaran sehingga 8 skala Richter. Bagaimanapun, kos pembinaan akan lebih mahal iaitu penambahan kira-kira 30 peratus," katanya.

Menurut Fadillah, kajian yang dikendalikan pakar tempatan dan luar negara itu akan mengemukakan cadangan berkaitan kepada kerajaan sebelum ia ditetapkan sebagai dasar negara.

Terdahulu, Fadillah mendengar taklimat daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah di Kompleks Pentadbiran Persekutuan, sebelum melawat IPD Ranau dan kemudiannya meninjau keadaan semasa di jambatan Jalan Golf Course Mesilou.

[Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin.](#)

Gempa bumi dedah keperluan sumber air

RANAU 6 Julai - Gempa bumi di Gunung Kinabalu menunjukkan bahawa kawasan yang terdedah kepada bencana alam seperti Ranau, perlu mempunyai sumber air mentah alternatif.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili berkata, gempa bumi pada 5 Jun itu menjejaskan sumber bekalan air mentah yang mengalir dari Gunung Kinabalu dan menyebabkan orang ramai mengalami satu lagi tamparan apabila mereka terputus bekalan air mencukupi.

Oleh itu, katanya, Ranau perlu mempunyai lebih banyak sumber air kerana sungai yang mengalir dari gunung yang menjadi tempat mereka bergantung, tidak lagi lestari.

"Kabinet telah mengarahkan satu kajian terperinci dijalankan yang perlu melihat kepada keperluan wujudnya bekalan air jangka panjang dan lestari bagi Ranau," katanya.

Ongkili berkata demikian dalam Majlis Perasmian Unit Rawatan Air Bergerak dikenali sebagai 'Nomad', yang dipasang di Sungai Kenipir di sini, yang ditauliahkan secara rasmi hari ini.

Unit bergerak itu mampu membekalkan satu juta liter air sehari (1 MLD) atau 10 peratus daripada keperluan bekalan air bagi bandar Ranau.

Dengan pentauliahkan itu, orang ramai boleh mengambil air terawat di unit berkenaan secara percuma.

Paip juga dipasang di tempat itu, yang terletak kira-kira 8km

dari bandar Ranau, bagi membolehkan lori tangki Jabatan Bekalan Air mengisi air untuk diagihkan kepada mereka yang tinggal jauh dari situ.

Majlis itu turut dihadiri Menteri

Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin; Ketua Pengarah Jabatan Bekalan Air (JBA), Ir. Noor Azahari Zainal Abidin; Pengarah Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Ir. Mohd. Shukri Abdul Razik dan Jurutera Air Daerah Ranau, Anthony Jullah.

Ongkili berkata, Ewon yang juga Ahli

Parlimen Ranau akan menyelia kajian terperinci mengenai keperluan sumber air mentah Ranau.

"Kita perlu mempelbagaikan sumber bekalan air kita kerana kita terdedah kepada semua kemungkinan, memandangkan air amat penting dalam kehidupan seharian kita," katanya.

Ongkili berkata, unit bergerak yang dibekalkan SPAN itu sepatutnya diletakkan dalam keadaan tunggu sedia di Ranau untuk tempoh dua bulan akan datang, tetapi atas permintaan Ewon, beliau (Ongkili) bersetuju ia digunakan berdasarkan keperluan bulan ke bulan, bergantung pada keadaan bekalan air di daerah itu.

Menurut Ewon, banjir lumpur yang berlaku sejak Sabtu lepas di Ranau, sekali lagi menjejaskan bekalan air dan kehadiran unit bergerak itu memberi kelegaan kepada orang ramai yang sebelum ini terpaksa bergantung pada air mineral botol, yang semain sukar diperolehi sekarang. - BERNAMA



MAXIMUS ONGKILI



Gempa Bumi Dedah Keperluan Sumber Air Alternatif - Ongkili

RANAU, 6 Julai (Bernama) -- Gempa bumi di Gunung Kinabalu menunjukkan bahawa kawasan yang terdedah kepada bencana alam seperti Ranau, perlu mempunyai sumber air mentah alternatif.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili berkata gempa bumi pada 5 Jun itu menjejaskan sumber bekalan air mentah yang mengalir dari Gunung Kinabalu dan menyebabkan orang ramai mengalami satu lagi tamparan apabila mereka terputus bekalan air mencukupi.

"Oleh itu, Ranau perlu mempunyai lebih banyak sumber air kerana sungai yang mengalir dari gunung yang menjadi tempat mereka bergantung, tidak lagi lestari.

"Kabinet telah mengarahkan satu kajian terperinci dijalankan, yang perlu melihat kepada keperluan wujudnya bekalan air jangka panjang dan lestari bagi Ranau," katanya.

Ongkili berkata demikian pada majlis perasmian unit rawatan air bergerak dikenali sebagai 'Nomad', yang dipasang di Sungai Kenipir di sini, yang ditauliahkan secara rasmi hari ini.

Unit bergerak itu mampu membekalkan satu juta liter air sehari (1 MLD) atau 10 peratus daripada keperluan bekalan air bagi bandar Ranau.

Dengan pentauliahan itu, orang ramai boleh mengambil air terawat di unit berkenaan secara percuma.

Paip juga dipasang di tempat itu, yang terletak kira-kira 8km dari bandar Ranau, bagi membolehkan lori tangki Jabatan Bekalan Air mengisi air untuk diagihkan kepada mereka yang tinggal jauh dari situ.

Majlis itu turut dihadiri **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin**, Ketua Pengarah Jabatan Bekalan Air (JBA), Ir Noor Azahari Zainal Abidin, Pengarah Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Ir Mohd Shukri Abdul Razik dan jurutera air daerah Ranau, Anthony Jullah.

Ongkili berkata Ewon, yang juga Anggota Parlimen Ranau, akan menyelia kajian terperinci mengenai keperluan sumber air mentah Ranau.

"Kita perlu mempelbagaikan sumber bekalan air kita kerana kita terdedah kepada semua kemungkinan, memandangkan air amat penting dalam kehidupan seharian kita," katanya.

Ongkili berkata unit bergerak yang dibekalkan SPAN itu sepatutnya diletakkan dalam keadaan tunggu sedia di Ranau untuk tempoh dua bulan akan datang, tetapi atas permintaan Ewon, beliau (Ongkili) bersetuju ia digunakan berdasarkan keperluan bulan ke bulan, bergantung pada keadaan bekalan air di daerah itu.

Ewon berkata banjir lumpur yang berlaku sejak Sabtu lepas di Ranau, sekali lagi menjejaskan bekalan air dan kehadiran unit bergerak itu memberi kelegaan kepada orang ramai, yang sebelum ini terpaksa bergantung pada air mineral botol, yang semakin sukar diperoleh sekarang.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 23
TARIKH : 7 JULAI 2015 (SELASA)

Angin kencang Barat Daya berterusan hingga Ahad ini

KUALA LUMPUR 6 Julai - Angin kencang Barat Daya yang berlaku di kawasan perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Sarawak (Miri), Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, dijangka berterusan sehingga Ahad ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia, dalam kenyataan hari ini berkata, keadaan itu menyebabkan angin berkelajuan antara 40 hingga 60 kilometer sejam (kmsj) dengan om-

bak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada bot-bot kecil, semua aktiviti laut dan pantai termasuk menangkap ikan serta perkhidmatan feri.

Kenyataan itu menyebut situasi yang sama juga dijangka berlaku di perairan Phuket, Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan dan Sulu. - BERNAMA



Angin Kencang, Laut Bergelora Sehingga Rabu

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora kategori kedua dijangka berterusan di perairan Sabah (Kudat), Phuket, Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan dan Sulu sehingga Rabu ini.

Menurut Jabatan Meteorologi, angin barat daya dengan kelajuan antara 50-60 kilometer sejam (kmsj) dan ombak setinggi 4.5 meter adalah berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Sementara itu, angin kencang barat daya dengan kelajuan 40 hingga 50 kmsj dan ombak mencapai sehingga 3.5 meter pula dijangka berterusan sehingga Rabu di perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Sarawak (Miri), Sabah (Pendalaman, Pantai Barat), Labuan dan Reef North.

Keadaan itu adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, aktiviti rekreasi laut dan sukan laut.

-- BERNAMA



Angin Kencang Barat Daya Dijangka Berterusan Sehingga Ahad Ini

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Angin kencang Barat Daya yang berlaku di kawasan perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Sarawak (Miri), Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, dijangka berterusan sehingga Ahad ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia, dalam kenyataan hari ini, berkata keadaan itu menyebabkan angin berkelajuan antara 40 hingga 60km sejam (kmsj) dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5m.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada bot-bot kecil, semua aktiviti laut dan pantai termasuk menangkap ikan serta perkhidmatan feri.

Kenyataan itu menyebut situasi yang sama juga dijangka berlaku di perairan Phuket, Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan dan Sulu.

-- BERNAMA